

SOALAN NO.: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[BETONG]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah oleh Kementerian untuk mengukuhkan harga lada yang telah turun merudum baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan '*Sosial Safety Net*' untuk penanam lada hitam di seluruh negara semasa harga lada turun.

91

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2016, purata harga lada hitam adalah di paras RM26,400 se tan iaitu penurunan sebanyak 7.1% berbanding tahun 2015 pada RM28,031 se tan. Bagi lada putih pula, purata harga pada tahun 2016, adalah di paras RM43,114 se tan iaitu penurunan sebanyak 1.5% berbanding tahun 2015 iaitu pada RM43,784 se tan. Bagi tempoh Januari hingga September 2017, purata harga Lada Berkualiti Eksport (LBE *Special*) bagi lada hitam adalah di paras 16,980 se tan manakala harga Lada Berkualiti Eksport *Fair Average Quality* (LBE FAQ) bagi lada putih berada di paras RM26,944 se tan. Tren penurunan harga lada ini berlaku disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran terutamanya di Vietnam.

Bagi mengukuhkan harga lada, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

**i) Meningkatkan penggunaan lada dalam negara**

Penggunaan domestik lada di Malaysia telah meningkat sebanyak 10,250 tan atau 2.5% bagi tahun 2016 berbanding 10,000 tan pada tahun 2015. Manakala penggunaan domestik lada bagi tempoh 5 tahun (dari tahun 2011 hingga 2016) telah meningkat sebanyak 2,422 tan (30.9%).

## ii) Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang

Pekebun kecil lada digalakkan untuk mengeluarkan lada berkualiti premium seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE) bagi mendapat pulangan yang lebih baik. Pengeluaran lada premium pada tahun 2016 adalah sebanyak 3,074 tan, iaitu peningkatan sebanyak 1,588 tan (106.9%) berbanding tahun sebelumnya.

## iii) Menjual terus ke pasaran istimewa (*niche market*)

MPB turut memperkenalkan beberapa produk lada tambah nilai peringkat kilang seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran utama seperti di Jepun, Sweden dan Korea Selatan. Nilai jualan yang diperolehi pada tahun 2016 adalah sebanyak RM86.49 juta iaitu peningkatan sebanyak RM23.26 juta (36.8%) pada tahun 2015.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedang dalam tindakan untuk mengenal pasti mekanisme terbaik untuk melaksanakan jaringan keselamatan (*Social Safety Net Lada*) kepada pekebun kecil lada. Kerajaan juga melalui MPB akan terus komited dalam menjamin kebajikan pekebun kecil lada terpelihara terutamanya dalam keadaan harga pasaran dunia yang tidak memberangsangkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 46 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH :** 21 November 2017  
[ Selasa ]

**DARIPADA :** YB. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY  
[ BACHOK ]

**SOALAN :- :** 46

Sejauh mana usaha kerajaan dalam memastikan rakyat memanfaatkan media sosial secara rasmi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai sumber rujukan sahih dan cepat dalam menghadapi bencana seperti banjir. Nyatakan jumlah pengikut portal Facebook dan twitter?

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Sebagai *Focal Point* dalam pengurusan bencana Agensi Pengurusan Bencana (NADMA Malaysia) perlu memastikan umum mendapat maklumat terkini, dengan seberapa segera yang mungkin. Kebanjiran laman-laman interaksi sosial atau lebih dikenali dengan media sosial telah memungkinkan komunikasi berjalan dengan begitu pantas sekali, hanya dengan satu klik, semua maklumat boleh tersebar sepantas satu saat. Justeru itu dalam usaha memastikan rakyat mendapat maklumat yang sahih berkaitan dengan bencana dengan cepat, NADMA Malaysia memanfaatkan Internet dan Media Sosial penggunaan Portal, facebook dan twitter.

Apabila melayari [portalbencana.ndcc.gov.my](http://portalbencana.ndcc.gov.my) rakyat akan mendapat akses kepada maklumat mengenai Bencana Terkini di Malaysia. Maklumat berkaitan banjir, jerebu, ribut, tanah runtuh dan juga lain-lain maklumat yang berkaitan bencana. Portal NADMA juga menyediakan pautan kepada 13 agensi yang berkait rapat dengan bencana iaitu myDRR, eBencana Alam JKR, Jabatan Pengairan Saliran, Met Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia,

999, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar, 1MOCC dan 2 agensi antarabangsa iaitu *Pacific Disaster Centre* dan *AHA Centre*. Disamping itu portal ini juga menyediakan info-info mengenai bilik operasi, sukarelawan, pusat pemindahan dan masyarakat juga berpeluang untuk menghantar maklumbalas kepada agensi ini

Kemaskini portal bencana di lakukan dari Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam sehari. Ketika berlakunya bencana, selain maklumat yang boleh capai dalam talian, laporan berkaitan bencana turut dilaporkan setiap 4 jam kepada semua pihak yang berkepentingan (*stakeholder*). Sehingga hari ini portal bencana yang dikendalikan NADMA Malaysia telah dilayari 29,164 pengunjung (16/11/17). Portal Kawalan Bencana Negara (NDCC) menjadi rujukan kepada media, termasuk televisyen dan radio, dalam membuat liputan atas dasar kredibiliti dan maklumat terkini. Mereka yang memanfaatkan portal bencana ini adalah pihak berkepentingan termasuk Agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat perniagaan dan mereka yang akan terkesan secara langsung.